

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : ""MALAM KEPANDUAN""
Lokasi : HOTEL SHANGRI-LA, KUALA LUMPUR
Tarikh : 22-11-1987

Bismillahir rahmanir rahim Assalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultanah Zanariah Raja Permaisuri Agong, Penaung Persatuan Pandu Puteri Malaysia;

Duli Yang Maha Mulia Raja Perempuan Perlis, Penaung Persatuan Pandu Puteri Negeri Perlis;

Duli Yang Maha Mulia Sultanah Kedah, Penaung Persatuan Pandu Puteri Negeri Kedah;

Duli Yang Maha Mulia Tengku Ampuan Selangor, Penaung Persatuan Pandu Puteri Negeri Selangor Darul Ehsan;

Duli Yang Maha Mulia Tunku Ampuan Negeri Sembilan, Penaung Persatuan Pandu Puteri Negeri Sembilan;

Duli Yang Maha Mulia Tengku Ampuan Pahang, Penaung Persatuan Pandu Puteri Negeri Pahang;

Duli Yang Maha Mulia Raja Perempuan Kelantan, Penaung Persatuan Pandu Puteri Negeri Kelantan;

Duli Yang Maha Mulia Tengku Ampuan Besar Terengganu, Penaung Persatuan Pandu Puteri Negeri Terengganu;

Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak, Penaung Persatuan Pandu Puteri Negeri Perak;

Yang Amat Mulia Isteri Kepada Tunku Mahkota Johor, Pemangku Raja;

Yang Amat Mulia Tengku Puan Pahang, Pengerusi Jawatankuasa 'Malam Kepanduan'; Ampun Tuanku, beribu-beribu ampun, sembah patek harap diampun.

Bagi pihak ahli-ahli Persatuan Pandu Puteri Malaysia dan diri patek, dengan hormat takzimnya patek merafak sembah junjung kasih yang tidak terhingga Kebawah Duli-Duli Tuanku atas limpah berkenan mencemar Kebawah Duli-Duli Tuanku di Majlis 'Malam Kepanduan' ini. Keberangkatan Kebawah Duli-Duli Tuanku memberi perangsang dan kehormatan kepada Persatuan Pandu Puteri dan mencatatkan sejarah yang paling istimewa kerana tahun ini Persatuan merayakan ulangtahunnya yang ketujuh puluh.

2. Seluruh Pandu Puteri di dunia meraikan ulangtahun ini tetapi tidak seistimewanya seperti di Malaysia kerana keberangkatan Kebawah Duli-Duli Tuanku bersama. Semoga Persatuan Pandu Puteri Malaysia dan Persatuan-Persatuan Pandu Puteri Negeri dapat berteduh di bawah payong Kebawah Duli-Duli Tuanku selama-lamanya.

Ampun Tuanku, patek mohon izin menyampaikan sedikit ucapan kepada para hadirin, Ampun Tuanku.

Yang Mulia Yang Dipertua-Yang Dipertua Persatuan Pandu Puteri Negeri; Yang Mulia Naib-naib Yang di-Pertua Persatuan Pandu Puteri Malaysia; Yang Berbahagia Puan Nik Azizah, Ketua Pesuruhjaya Persatuan Pandu Puteri Malaysia; Yang Berbahagia Puan Hajah Halimah, Timbalan Ketua Pesuruhjaya merangkap Pengerusi Perayaan Tujuh puluh Tahun Kepanduan; Dif-dif Kehormat; Para Pesuruhjaya, Pemimpin dan Ahli-Ahli Pandu Puteri; Puan-Puan dan Tuan-Tuan yang dihormati.

3. Pada 22 November 1917, Pasukan Pandu Puteri Kuala Lumpur didaftarkan secara rasmi di Ibu Pejabat Pandu Puteri di Calcutta, India. Bermula dengan sebilangan kecil ahli-ahli sahaja, kepanduan kemudian bergerak dengan begitu giat di seluruh negara hingga kini mempunyai ahli seramai 78,950 orang. Kepanduan di negara kita telah berkembang dengan pesatnya di peringkat negeri dan daerah.

Khidmat bakti ahli-ahli Persatuan adalah melalui pelbagai khidmat masyarakat yang merentas kaum dan agama. Sumbangan bakti ini telah membantu dalam membentuk dan membina semangat ingin menolong serta membentuk moral dan peribadi yang mulia di kalangan ahli-ahli supaya berdikari dan bertimbang rasa.

4. Saya sukacita mengesyorkan supaya kegiatan kepanduan diperluaskan lagi untuk melibatkan para pemudi di dalam bandar, di kawasan-kawasan setinggan dan di luarbandar. Latihan-latihan dan aktiviti-aktiviti perlu mengandungi kegiatan yang boleh membawa ahli-ahli kepada kesefahaman dan perpaduan antara kaum melalui kegiatan-kegiatan bersama atau bergotong-royong. Lawatan-lawatan dan ceramah-ceramah mengenai sejarah negara harus ditekankan supaya ahli-ahli di peringatkan kepada kebahagiaan yang didapati dalam negara kita dan supaya mereka taat dan setia dan cintakan tanahair.

5. Pada tahun ini Persatuan Pandu Puteri Malaysia telah merancang beberapa projek sempena meraikan ulangtahun ketujuh puluh kepanduan. Projek-projek ini adalah: a) Bergotong-royong seluruh Malaysia pada bulan Februari 1987, b) Program pertukaran Pandu Puteri antara negeri pada cuti penggal pertama dan kedua persekolahan, c) Pertandingan Kuiz Kepanduan peringkat kebangsaan pada bulan Oktober 1987, d) Pameran Tujuh puluh Tahun Kepanduan di Muzium Negara dari 17 Oktober - 22 November 1987, e) Penerbitan Buku Cenderamata Tujuh puluh Tahun Kepanduan, dan akhirnya, f) Majlis 'Malam Kepanduan' pada malam ini, iaitu kemuncak perayaan ulangtahun ketujuh puluh kepanduan di mana Anugerah Kepanduan kepada tokoh-tokoh Pandu Puteri akan disampaikan sebentar lagi.

6. Bagi pihak Persatuan Pandu Puteri Malaysia saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang telah melibatkan diri dengan Persatuan Pandu Puteri Malaysia, sama ada secara langsung atau tidak langsung demi kemajuan kepanduan di negara kita. Adalah harapan saya semoga mereka akan meneruskan usaha yang murni ini agar anak-anak gadis terus dipimpin dan memainkan peranan yang berkesan yang sangat-sangat diperlukan oleh negara kita pada masa ini dan masa-masa yang akan datang.

7. Kepada penyokong-penyokong dan rakan-rakan Persatuan Pandu Puteri Malaysia khasnya penderma-penderma yang budiman, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kerana tanpa sumbangan mereka Majlis 'Malam Kepanduan' ini tidak dapat mencapai kejayaan.

8. Akhir kata, patek bagi pihak Persatuan Pandu Puteri Malaysia merakamkan junjung kasih kepada Yang Amat Mulia Tengku Puan Pahang Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah bte Sultan Iskandar atas kesudiannya mempengerusikan Jawatankuasa Majlis 'Malam Kepanduan' sehingga mencapai kejayaannya pada malam ini.

Ampun Tuanku,

9. Sekali lagi bagi pihak Persatuan Panduan Puteri Malaysia patek merafak sembah junjung kasih kerana keberangkatan Kebawah Duli-Duli Tuanku ke Majlis ini dan memohon ampun dan maaf sekiranya terdapat sesuatu yang tidak menyenangkan Kebawah Duli-Duli Tuanku.

Sekian sahaja, Ampun Tuanku.

Wabilahi taufik walhidayah, wasaalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.